

D838

U B329 AAB  
MAHATHIR - UMNO २ २ २

KEMAMAN, 20 MAC (BERNAMA) -- PERDANA MENTERI, DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD, HARI INI MENGINGATKAN ANGGOTA-ANGGOTA UMNO SUPAYA SENTIASA BERPEGANG KEPADA KEBENARAN DAN JANGAN SEKALI-KALI BERBOHONG ATAU MENYELEWENG DALAM KATA-KATA MEREKA SEMATA-MATA UNTUK KEPENTINGAN DIRI SENDIRI.

KATANYA, PARA ANGGOTA HENDAKLAH SENTIASA BERPEGANG KEPADA KATA-KATA YANG TELAH DISAMPAIKAN KEPADA RAKYAT AGAR RAKYAT TIDAK BERASA CURIGA ATAU SANGSI TERHADAP PARTI DAN KERAJAAN.

KETIKA MERASMIKAN MESYUARAT PERWAKILAN UMNO BAHAGIAN KEMAMAN, DI SINI, BELIAU BERKATA UMNO SEBAGAI TUNJANG KEPADA KERAJAAN HARUS SENTIASA BERPEGANG KEPADA KEBENARAN KERANA INI AKAN TERUS MENJAMIN KEKUKUHAN PARTI ITU.

KATANYA, KEMENANGAN BARISAN NASIONAL, KHUSUSNYA UMNO DALAM PILIHAN RAYA UMUM OGOS LEPAS DISEBABKAN SIKAP ANGGOTA-ANGGOTA YANG BERTERUS TERANG MENYAMPAIKAN KEBENARAN KEPADA RAKYAT.

+SEMASA KEMPEN PILIHAN RAYA KITA MEMBERITAHU RAKYAT BAHAWA NEGARA MENGHADAPI KEMELESETAN EKONOMI EKORAN KEMELESETAN EKONOMI DUNIA. TETAPI JIKA SEKARANG KITA BERKATA NEGARA MENGHADAPI MASALAH EKONOMI KERANA SEBAB LAIN, RAKYAT PASTI MENGANGGAP KITA TIDAK JUJUR, + KATA DATUK SERI DR MAHATHIR, YANG JUGA PRESIDEN UMNO. -- LAGI  
1426MST 20 03 87

D839

U B330 AAB  
MAHATHIR - UMNO 2 KEMAMAN २ २ २

KATANYA, JIKA DULU ANGGOTA-ANGGOTA UMNO MENYOKONG DAN MENGATAKAN RANCANGAN-RANCANGAN DAN DASAR-DASAR PARTI ADALAH BAIK TETAPI BEPERANG MEREKA MENGATAKAN SEBALIKNYA, SUDAH PASTI RAKYAT AKAN MENJADI KELIRU DAN TERTANYA-TANYA.

DATUK SERI DR MAHATHIR BERHARAP ANGGOTA-ANGGOTA UMNO TIDAK TERPEDAYA DENGAN HASUTAN-HASUTAN MEREKA YANG BERKEPENTINGAN DIRI SENDIRI UNTUK MENGELAK DARIPADA KERUGIAN KEPADA SEMUA PIHAK.

KATANYA, JIKA ANGGOTA UMNO LEBIH MEMENTINGKAN DIRI SENDIRI HINGGA SANGGUP BERBOHONG DAN MEMBELAKANGKAN KEPENTINGAN PARTI, BANGSA DAN NEGARA, UMNO PASTI BERPECAH BELAH DAN INI AKAN MEMBUAT KERAJAAN YANG ADA MENJADI LEMAH DAN TIDAK TEGAP DAN TEGAS LAGI SEPERTI SEKARANG.

BELIAU JUGA MENASIHATI ANGGOTA-ANGGOTA UMNO SUPAYA SENTIASA BERJAGA-JAGA DAN JANGAN TERLALU GHAIRAH MENGAMALKAN DEMOKRASI SEHINGGA SANGGUP MENGENEPIKAN ADAT RESAM SENDIRI.

KATANYA, DEMOKRASI YANG DIAMALKAN DARI BARAT ITU BOLEH MENUSNAHKAN PARA ANGGOTA JIKA MEREKA TIDAK BERHATI-HATI DAN MENGAMBIL BERAT MENGENAI ADAT RESAM SENDIRI. -- LAGI  
1429MST 20 03 87

U B331 AAB  
MAHATHIR - UMNO 3 KEMAMAN २ २ २

KATANYA, SEBAGAI ORANG-ORANG MELAYU, PARA ANGGOTA UMNO HENDAKLAH MENUNJUKKAN HORMAT MEREKA KEPADA ORANG-ORANG TUA KERANA ITU SUDAH MENJADI ADAT RESAM MEREKA.

DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA ANGGOTA-ANGGOTA UMNO HARUS MEMASTIKAN PARTI TIDAK BERPECAH SEMATA-MATA KERANA KEPENTINGAN ORANG-ORANG TERTENTU, TETAPI SEBALIKNYA HARUS MENJAMIN SUPAYA NEGARA TERUS STABIL.

BELIAU BERDOA AGAR PARA ANGGOTA DAPAT MEMBEZAKAN ANTARA SESUATU YANG BENAR DAN TIDAK BENAR KERANA JIKA NEGARA MEMPUNYAI PEMERINTAH YANG TIDAK JUJUR, RAKYAT PASTI MENGHADAPI KESUSAHAN UNTUK MENUKAR DAN MEMPEROLEHI KERAJAAN YANG LEBIH ELOK LAGI.

KATANYA, KERAJAAN YANG ADA BERSIKAP ADIL, BERTOLERANSI DAN BERTANGGUNGJAWAB MALAH BELIAU SENDIRI TIDAK MENGHARAMKAN ORANG-ORANG YANG MEMBUAT FITNAH MENGENAI DIRINYA DARIPADA MENYEBARKAN FITNAH MELALUI BUKU-BUKU ATAU SEBAGAINYA. -- BERNAMA  
1430MST 20 03 87